

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 NOVEMBER 2016

'Kegemaran' baharu Dr. Mahathir

um- 23/11/2016

Oleh ZULKIFLI JALIL

pengarang@utusan.com.my

DAHULU Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak begitu orangnya.

Semasa menjadi Perdana Menteri, habis dibidasnya tindak tanduk pelaku demonstrasi. Ya, waktu itu tidak dipanggil demonstrasi tetapi istilahnya 'reformasi'.

Demonstrasi zaman reformasi lagi teruk dari Bersih. Demonstrasi dahulu tak tunggu hujung minggu yang bersambung dengan cuti umum baru nak buat.


Agak bila nak buat, penyokong reformasi akan buat. Tak payah tunggu, tak payah suruh. Malah, tak kira siang dan malam pun.

Tetapi demonstrasi atau reformasi tidak ada tempat atau ruang dalam jiwa Dr. Mahathir waktu itu.

Salah satu contoh klasik betapa bencinya Dr. Mahathir terhadap pendemonstrasi atau penyokong reformasi ini dan dilaporkan meluas di seluruh dunia ialah pada 1998.

Ingatkah bagaimana Dr. Mahathir menyelar teruk Al Gore semasa Naib Presiden Amerika Syarikat itu menjadi penceramah jempunan forum APEC di Kuala Lumpur pada 16 November 1998.

Semasa itu Gore yang ber-



kongsi pentas dengan Dr. Mahathir sempat menghasut penganut fahaman anarki. Katanya:

"Demokrasi dapat memberikan tanda pengesahan bahawa perubahan perlu dalam usaha untuk menjadi efektif, jadi di kalangan negara yang terjejas oleh krisis ekonomi, kami secara berterusan untuk mendengar seruan untuk demokrasi, seruan untuk perubahan dalam banyak bahasa. Kuasa rakyat. Reformasi.

"Kita mendengarnya pada hari ini, di sini, sekarang, di kalangan rakyat Malaysia yang berani."

Namun selepas itu Dr. Mahathir membidas teruk Gore:

"Kita perlu bakar dia. Al Gore tidak sayang kepada Malaysia dan juga rakyatnya. Al Gore dan kerajaannya hanya mahu memanipulasi dan mengawal negara kita."

Kadang kala kalau difikirkan elok juga Dr. Mahathir merenung ingatan Ketua Pemuda Pas, Nik Mohamad Abdul Nik Abdul Aziz baru-baru ini:

"Kembalilah ke tikar sejadah."